



MINIT MESYUARAT
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, BAHAGIAN
PERKHIDMATAN TEKNIKAL
(KSK, BPT) BIL. 3 / 2005
Tel: 05-5406000; Fak: 05-5406100 ;
webpage: <http://members.lycos.co.uk/kskbpt/>



Tarikh : **16.08.2005**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Blok Zamrud, BPT.**
Masa : **09.00 pagi**

HADIR :

1. En. Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi (Presiden) - Pengerusi
2. Tn. Hj. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hassan (Timbalan Presiden)
3. En. Abdul Wahab Bin Mohd Noor (Pen. Bendahari)
3. En. Dzazali Bin Ayub (Ketua Biro Rekreasi)
4. En. Mohd. Zahar Bin Ibrahim (AJK - Webmaster)
5. Pn. Hjh. Noor Ashikin bt Abd. Razak - (Wakil Ketua Biro Kebajikan)
6. En. Mohd Fuzi Bin Hashim (Setiausaha Kehormat) - Setiausaha

TIDAK HADIR :

1. Tn. Hj. Azhari Bin Ahmad (Bendahari) - Dengan Izin
2. Pn. Rodziah Binti Husain (Ketua Biro HELWA) - Bercuti
3. Pn. Hamisah Binti Adnan (AJK) - Bercuti
4. En. Abdullah Bin Sulaiman (Ketua Biro Sukan) - Mesyuarat

1.0 UCAPAN PENERUSI

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang dapat hadir pada pagi ini. Beliau selanjutnya mengucapkan terima kasih kepada seluruh Ahli Jawatankuasa yang terlibat di atas kejayaan menganjurkan Mesyuarat Agung Kali Ke-2(2005) yang diadakan pada 20 Mei 2005 yang lalu bertempat di Bilik Persidangan, Blok Zamrud.

Tuan Pengerusi juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada peserta sukan MNRE kerana telah berjaya mendapat tempat ke-4 secara keseluruhan yang telah diadakan baru-baru ini. Disamping itu Tuan Pengerusi juga memaklumkan terdapat sedikit rombakan akan dilakukan memandangkan berlakunya kekosongan tempat dalam struktur organisasi kelab disebabkan pertukaran pegawai yang terlibat baru-baru ini. Bahagian yang terlibat ialah Ketua Biro Kebajikan dan Penolong Setiausaha Kehormat.

Pengerusi memaklumkan bahawa Bendahari Kehormat, Tn Hj Azahari tidak dapat hadir beserta Pn. Hamisah Binti Adnan (AJK) dan En. Abdullah Bin Sulaiman (Ketua Biro Sukan). Turut tidak dapat hadir ialah Pn. Rodziah Binti Husain (Ketua Biro HELWA).

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 2/2005

Minit Mesyuarat Kelab Sukan dan Kebajikan, Bahagian Perkhidmatan Teknikal Bil. 2/2005 telah diterima dan disahkan tanpa pindaan.

3.0 PEMBENTANGAN LAPORAN AGM BIL-2(2005)

Perkara-Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Agong (Tahun 2004)

Menyentuh mengenai cadangan Encik Yusoff bin Yaacob (no. ahli : 087) yang mencadangkan supaya bayaran yuran kepada bukan ahli dikenakan lebih sedikit berbanding ahli kelab untuk semua aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab. Pengerusi menjelaskan bahawa perkara ini sudah diputuskan dan telah dilaksanakan. (Tindakan : makluman)

Encik Abdul Aziz bin Mohamed Alwi (no. ahli : 064) mencadangkan supaya Mesyuarat Agong Tahunan diadakan 2 tahun sekali. Pengerusi menjelaskan perkara tersebut sudah termaktub dalam Undang-Undang Bagi Pertubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan BPT. (Tindakan : makluman)

Pembentangan Usul Mesyuarat Agong KSKBPT(Tahun 2005)

Berkenaan dengan ‘Ahli Bersekutu’. En. Ariff menyatakan bahawa usul ini telah diluluskan, maka ianya hanya perlu dibawa dalam mesyuarat AJK sahaja mengenai bentuk syarat-syarat dan perlaksanaannya. Mesyuarat memutuskan sebarang pindaan Undang-Undang Bagi Pertubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan BPT mestilah dirujuk kepada Lembaga Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

(Tindakan : Setiausaha)

En. Zahar mengusulkan berkenaan bayaran yuran keahlian, beliau menyatakan sekiranya ahli tidak membayar yuran TIGA BULAN berturut-turut keahlian ditamatkan – mengikut Undang-Undang Perlembagaan Kelab. Maka dengan itu beliau mengusulkan bahawa di lanjutkan kepada DUA BELAS BULAN. En. Aziz Alwi pula mencadangkan dilanjutkan ENAM BULAN. Undian telah dibuat, dan keputusan tempoh dilanjutkan kepada 6 BULAN. Mesyuarat memutuskan akan membawa usul ini kepada ROS untuk didaftarkan dalam Undang-Undang Bagi Pertubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan BPT.

(Tindakan : Setiausaha)

Hal-Hal Lain Mesyuarat Agong KSKBPT(Tahun 2005)

Cik Hamisah dilantik sebagai Pemeriksa Kira-Kira menggantikan Tuan Hj. Fauzi bin Abdullah. (Makluman)

Mengenai persoalan yang dikemukakan oleh En. Abdullah bin Sulaiman samada pekerja sambilan / sementara / kontrak dibenarkan bermain sukan yang dianjurkan oleh kelab atau tidak. Mesyuarat membenarkannya dengan syarat individu tersebut mendaftar sebagai ahli kelab terlebih dahulu.

(Tindakan : Biro Sukan)

Cik Zunita mencadangkan supaya diadakan lawatan sambil belajar dan rombongan ke tempat-tempat yang bersejarah dan menarik. Mesyuarat memberi cadangan lawatan ke tempat pembuatan Labu Sayung, Gua Tempurung ataupun ke Cameron Highlands. Pengerusi menyatakan bahawa Biro Rekreasi akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

(Tindakan : Biro Rekreasi)

Menyentuh mengenai cadangan Puan Rozana berkenaan hal-hal kebajikan seperti ahli sakit, kahwin dan yang ditimpa kemalangan. Pengerusi menjelaskan bahawa Biro Kebajikan perlu peka mengenai perkara-perkara tersebut dan ahli tidak perlu memohon untuk mendapat sumbangan. Puan Hjh Norasyikin memaklumkan tindakan telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

(Tindakan : Biro Kebajikan)

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT DARI MINIT MESYUARAT Bil 2/2005

3.1 Ahli Bersekutu.

Mesyuarat memaklumkan bahawa Setiausaha perlu berhubung dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk meminda Undang-Undang Bagi Pertubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan BPT.
(Tindakan : Setiausaha Kehormat)

3.2 Bilik Kelab.

Timbalan Presiden, Tn. Hj. Zaidi memaklumkan bahawa bilik kelab sudah siap cuma tinggal untuk memasukkan kabinet dan meja sahaja. Timb. Presiden memaklumkan perabot tersebut diuruskan Tn Hj Tarmidzi. Oleh itu perkembangan pembelian perabot tersebut tidak dapat dipastikan. Presiden memaklumkan akan menghubungi Tn Hj Tarmidzi untuk mendapatkan maklumat mengenai urusan tersebut.

Tindakan : Presiden & Timb Presiden

3.3 Pelekat Kenderaan

En Wahab (Penolong Bendahari) memaklumkan bahawa kelab telah menyiapkan dan sudah pun menyerahkan pelekat kenderaan tersebut kepada pentadbiran. Pn Hjh Norasyikin memaklumkan En Hassan telah mengagihkan pelekat kenderaan tersebut kepada semua kakitangan Kompleks JMG Ipoh. Untuk pelekat pertama adalah percuma tetapi untuk pelekat berikutnya dikenakan bayaran RM2.00 setiap satu. Timb Presiden mencadangkan baki yang ada dikumpulkan dan diadakan jualan kepada warga JMG.

Presiden mencadangkan Biro Ekonomi bekerjasama dengan Kak Wa untuk proses pengagihan kepada warga Kompleks JMG termasuk JMG Perak dan PPM.

Tindakan : Bendahari/ Biro Ekonomi

3.4 Webmaster

En. Mohd Zahar memaklumkan tambahan seorang lagi ahli jawatankuasa 'Web-Team' iaitu Pn Rozana maka dengan ini keanggotaan AJK Web_Team telah bertambah kepada enam orang kesemuanya termasuk Pn Rahmah (IT), Pn. Hamisah (Pentadbiran), En. Mohd. Fuzi (Kimiabumi), En. Abdul Aziz (Perpustakaan) dan En. Zahar (Kimiabumi) sendiri. Jawatankuasa ini akan mengadakan aktiviti-aktivitinya dari semasa ke semasa.

Makluman : Semua

4.0 LAPORAN BIRO-BIRO.

4.1 LAPORAN SETIAUSAHA KEHORMAT .

4.1.1 Keahlian

Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa sehingga hari ini, seramai 132 orang pegawai dan kakitangan telah mendaftarkan secara rasmi sebagai ahli kelab.

Makluman : Semua

4.1.2 Potongan Biro Angkasa.

Setiausaha memaklumkan Borang Potongan Biro Angkasa telah pun habis digunakan pada masa ini dan akan membuat permohonan pembelian borang-borang baru daripada Biro Angkasa nanti.

Tindakan : Setiausaha Kehormat.

4.1.3 Laporan kepada Pendaftar Pertubuhan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa laporan kepada Pendaftar Pertubuhan masih dalam tindakan. Kerjasama semua AJK diperlukan untuk memberikan maklumat mengenai butir-butir diri seperti yang diminta.

Tindakan :Setiausaha Kehormat.

4.1.4 Mesyuarat Agong MAKSAK

Setiausaha memaklumkan pada Jumaat, 24 Jun 2005 yang lalu MAKSAK Perak telah mengadakan mesyuarat Agong nya untuk kali yang ke-13. Presiden dan Setiausaha telah dijemput dan telah hadir pada hari tersebut. Menyentuh mengenai kutipan derma, Datuk SUK memaklumkan berdasarkan tafsirannya Kelab masih boleh mengutip derma tetapi mestilah melalui MAKSAK dan sumbangan sebanyak 10% akan diberikan kepada Maksak.

Makluman: Semua

4.1.5 Keahlian Kelab.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa banyak pertandingan sukan akan diadakan dalam tahun 2005. Oleh itu satu senarai keahlian kelab perlu dimaklumkan kepada pegawai dan kakitangan BPT untuk menentukan samada mereka telah mendaftar sebagai ahli atau belum. Yuran penyertaan akan dikenakan kepada yang belum mendaftar sebagai ahli sekiranya mereka ingin menyertai acara-acara yang dipertandingkan. En Zahar mencadangkan supaya senarai nama terkini ahli ditampal dipapan-papan notis kenyataan.

Tindakan : Setiausaha Kehormat.

4.1.6 Kalendar untuk Aktiviti yang Dirancangkan.

Mesyuarat mencadangkan supaya satu perancangan dibuat dengan menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan dalam kalender perancangan supaya jadual tersebut dapat digunakan dengan sebaiknya.

Tindakan : Setiausaha Kehormat.

4.2 LAPORAN BENDAHARI KEHORMAT

4.2.1 Laporan dari Bendahari Kehormat ditangguhkan kerana bercuti. Presiden menjelaskan mengenai pengagihan peruntukan kepada semua Biro yang terlibat tidak dapat dilakukan kerana kurang mendapat sambutan daripada semua Biro yang terlibat.

Makluman:Semua

4.2.2 Khemah

Mesyuarat dimaklumkan bahawa khemah-khemah untuk sebarang majlis yang diadakan di BPT pada masa ini disewa dari luar. Memandangkan terdapat lebih kurang 5 kali sewaan di buat dalam setahun, ahli mesyuarat mencadangkan supaya pembelian khemah dibuat dan penggunaannya akan disewakan kepada jabatan, ahli dan orang ramai dengan mengenakan kadar tertentu. Satu kertas kerja akan disediakan berhubung dengan pembelian khemah ini, akan dilakukan oleh Tn. Hj. Azahari bin Ahmad.

Tindakan : Tn. Hj. Azahari bin Ahmad

4.3 BIRO SUKAN

En Mohd Zahar Bin Ibrahim mewakili Pengerusi Biro Sukan mengemukakan laporan mengenai perkembangan aktiviti yang telah dan sedang dirancang oleh Biro Sukan sehingga 15 Ogos 2005:

- 4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemilihan gelanggang badminton sedang dibuat dimana pada masa sekarang sebanyak tiga gelanggang sedang dalam perhatian Ketua Biro Sukan, En Abdullah.
- 4.3.2 Senamrobik telah diadakan sempena Hari Keluarga KSKBPT kali ke-2/2005 yang lalu. Untuk program bulanan (bergantung kepada kelulusan pengarah). Instruktur akan diperolehi dari DBI atau Jabatan Belia dan Sukan.
- 4.3.3 Pasukan bola sepak JMG sudah pun ditubuhkan dimana melibatkan gabungan di antara BPT, PPM dan JMG Perak akan menyertai Liga Divisyen III pada tahun 2006. BPT akan memainkan peranan sebagai ketua.
- 4.3.4 Sukan persahabatan di antara MNRE (Malaysia) dan MEWR (Singapura) dijangka akan diadakan di Kuching, Sarawak pada 18, 19, dan 20 September 2005. Segala perbelanjaan akan ditanggung oleh Kementerian.
- 4.3.5 Karnival Sukan BPT 2005 di mana pelancarannya akan diadakan pada 30.04.2005 telah ditunda sehingga tarikh yang baru yang akan dimaklumkan kemudian.
- 4.3.6 Piala Keseluruhan untuk sukan. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Piala Keseluruhan untuk sukan adalah sumbangan Pengarah BPT. Memandangkan Pengarah BPT sekarang adalah Dr. Chow Weng Sum, maka beliau akan dipohon untuk menyumbangkan sebuah Piala Keseluruhan menggantikan Pila Keseluruhan Pengarah BPT sebelum ini. Pasukan yang merangkul piala tersebut berhak untuk menyimpan piala tersebut. Oleh itu permohonan akan dibuat kepada Pengarah BPT untuk menyumbangkan sebuah Piala Pusingan.

Tindakan : Biro Sukan

- 4.3.7 Sukan MNRE telah selesai diadakan dan Kontinjen BPT telah memenangi tempat ke 4.
- 4.3.8 Sukan antara Muzium telah diadakan di Johor Bahru, Johor pada Mei 2005. Presiden mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Timb. Presiden iaitu Tn Hj Zaidi di atas segala usaha yang telah dicurahkan.
- 4.3.9 Sukaneka semasa Hari Keluarga telah pun diadakan seperti mana cadangan Biro Sukan.
- 4.3.10 En Zahar memaklumkan bahawa harga bagi satu Cap Mohor jika ditempah adalah lebih kurang RM560.00. Presiden meminta En Zahar menanggung cadangan tersebut buat seketika.

Makluman : Semua

4.4 BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Puan Hjh Norasyikin selaku wakil Biro Kebajikan dan Sosial memaklumkan bahawa aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sehingga Ogos 2005.

- 4.4.1 Lawatan Sambil Belajar masih dalam tindakan dan perancangan lagi.
- 4.4.2 Menyentuh mengenai sumbangan kelab kepada ahli seperti mana yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Agong yang lalu, Puan Hjh Norasyikin mencadangkan agar prosedur pemberian dipermudahkan dengan Pihak Kelab mengambil inisiatif mengesan ahli-ahli yang terlibat. Mesyuarat telah bersetuju dengan dan mencadangkan pihak yang mengurus haruslah mendapatkan sebarang dokumen sebagai bukti kelayakan penerima adalah sah.
- 4.4.3 Biro Kebajikan telah diminta untuk menyediakan dan melengkapkan 'Borang Makluman' setiap kali sumbangan dibuat untuk rekod.

Tindakan: Biro Kebajikan

4.5 BIRO HELWA

- 4.5.1 Biro Helwa memaklumkan bahawa sumbangan pakaian terpakai telah diedarkan.

- 4.5.2 Presiden menggesa agar Biro Helwa dapat mempelbagaikan aktiviti agar dapat memberi lebih peluang kepada setiap ahli warga Helwa menyertai program yang dianjurkan. Ini disebabkan terdapat sesetengah ahli yang tidak pernah menyertai sebarang aktiviti Helwa disebabkan tiada kesesuaian.

Tindakan : Biro Helwa

4.6 BIRO REKREASI

- 4.6.1 En Dzazali selaku Ketua Biro Rekreasi memaklumkan bahawa Majlis Hari Keluarga telah pun selesai diadakan pada 23 April 2005 bersebelahan Makmal.

Makluman : Semua

- 4.6.2 Jogathon

Mesyuarat dimaklumkan bahawa acara jogathon akan ditangguhkan pada tahun ini. Oleh itu, ahli mesyuarat perlu memikirkan untuk mengadakan acara jogathon pada tahun hadapan.

Makluman : Semua.

4.7 BIRO EKONOMI

Menyentuh mengenai jualan Baju Batik, Tn Hj Zaidi memaklumkan bahawa ianya tidak dapat dilaksanakan disebabkan melibatkan kos yang tinggi. Oleh itu Mesyuarat memutuskan untuk tidak melaksanakannya.

Makluman : Semua

4.8 WEB_MASTER

En Mohd Zahar Bin Ibrahim selaku Web-Master mengemukakan laporan mengenai perkembangan aktiviti yang telah dan sedang dirancang oleh Web _Team sehingga 15 Ogos 2005:

- 4.8.1 Pertandingan Teka Silang Kata Melalui Website

Tujuan utamanya ialah untuk mengadakan promosi laman web dan juga bagi menggalakkan bukan ahli mendaftar sebagai ahli. Penyertaan adalah percuma kepada ahli tetapi bagi yang bukan ahli yuran proses dikenakan sebanyak RM1.00. Bagi pemenang hadiah yang dipersetujui oleh Mesyuarat ialah RM20.00 untuk pemenang bulanan. Mesyuarat dimaklumkan yang peraduan akan bermula pada bulan September ini.

Tindakan : Web-Master

- 4.8.2 Pertandingan Melukis dan Mewarna terbuka .

Sermpena Hari Kanak-Kanak Sedunia pada 20 November 2005. Acara yang dicadangkan ialah ; (Melukis : 5-6 & 7-8, Mewarna : 9-10, 11-12.) Anggaran hadiah ialah RM 760.00 termasuk pensil warna, kertas dan makan minum.

Tindakan : Web-Master

- 4.8.3 Jualan Gambar VCD - sentiasa

- 4.8.4 Promosi Laman Web – sentiasa, melalui Poster, Banner dan maklumat setempat.

- 4.8.5 Borang Soal Selidik- telah diedarkan semasa Mesyuarat Agung yang lalu.

Tindakan : Web-Master

5.0 HAL – HAL LAIN

5.1 Perlantikan Penolong Setiausaha Kehormat dan Ketua Biro Kebajikan

Presiden selaku Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan kepada mesyuarat untuk mengadakan perlantikan baru bagi mengisi kekosongan tempat yang ditinggalkan oleh Tn

Hj Tarmidzi dan En Nurul Huda disebabkan pertukaran mereka baru-baru ini. Tempat yang akan diisi dan calonnya adalah seperti berikut:

Penolong Setiausaha Kehormat : En. Zahrulnajmi B Mohd Salleh (No. Ahli: 072)

Ketua Biro Kebajikan : Hjh. Noor Ashikin bt. Abdul Razak (No. Ahli: 0122)

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan perlantikan tersebut dan Pengerusi mengucapkan tahniah kepada kedua-duanya di atas perlantikan mereka.

Tindakan : Makluman

5.2 Kutipan Yuran Dan Urusan Keahlian

Pengerusi memaklumkan bahawa urusan keahlian adalah diserahkan kepada Setiausaha Kehormat dan urusan kutipan yuran diserahkan kepada Bendahari Kehormat namun untuk tidak menimbulkan masalah borang keahlian haruslah disediakan sebanyak dua salinan satu kepada Setiausaha dan satu kepada Bendahari.

Tindakan : Setiausaha & Bendahari Kehormat

5.3 Rungutan Ahli Wanita

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat ahli wanita yang menggesa agar Biro Helwa dapat menganjurkan lebih aktiviti untuk mereka serta mempelbagaikan aktiviti agar dapat memberi lebih peluang kepada setiap ahli warga Helwa menyertai setiap program yang dianjurkan. Ini disebabkan terdapat sesetengah ahli yang tidak pernah menyertai sebarang aktiviti Helwa disebabkan tiada kesesuaian.

Tindakan : Biro Helwa

6.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi. Beliau berharap agar segala aktiviti yang dirancang akan dapat dijalankan dengan secepat yang mungkin.

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....
MOHD FUZI BIN HASHIM
Setiausaha Kehormat,
KSK BPT.

.....
SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI
Presiden,
KSK BPT